

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MAJLIS PENUH KALI KE-618
BIL. 12/2025 PADA 18 DISEMBER 2025**

1. UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA AHLI MAJLIS TAHUN 2025

Dimaklumkan bahawa tempoh perkhidmatan Ahli Majlis MBSP yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 1 Januari 2025 akan tamat perkhidmatan pada 31 Disember 2025.

Oleh yang demikian, MBSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih di atas sokongan dan sumbangan YBhg. Datuk / YBhg. Dato' / tuan / puan sepanjang berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP. Kerjasama dan komitmen yang tinggi sepanjang tempoh perkhidmatan YBhg. Datuk / YBhg. Dato' / tuan / puan sebagai Ahli Majlis MBSP amatlah dihargai.

2. SAMBUTAN HARI KELUARGA MBSP 2025

Sambutan Hari Keluarga MBSP 2025 telah dianjurkan pada 13 Disember 2025 yang lalu. Sambutan ini telah mencatatkan kehadiran seramai 2,000 orang kakitangan MBSP bersama keluarga. Pelbagai hadiah cabutan bertuah yang telah disediakan. Sehubungan itu, MBSP merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada barisan Ahli Majlis MBSP yang sudi menyumbangkan hadiah-hadiah cabutan bertuah untuk sambutan pada kali ini.

Di samping itu, MBSP juga ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan TPr Haji Mohd Ridzal bin Abdul, Pengarah Perhubungan Komuniti yang berjaya menyelaras sambutan ini yang telah melibatkan sebahagian besar jabatan-jabatan MBSP. Tahniah juga kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan MBSP yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan sambutan pada kali ini. Semoga sambutan sebegini dapat diteruskan lagi di masa hadapan.

3. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Dengan ini dimaklumkan bahawa MBSP telah melantik satu (1) orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Pegawai tersebut adalah Puan Munirah binti Atan dilantik sebagai Pegawai Teknologi Maklumat (F9). Penempatan beliau di Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi dan berkuatkuasa pada 1 Disember 2025. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Teknologi Maklumat daripada Universiti Teknologi Mara dan berpengalaman sebagai Jurutera Perisian di syarikat swasta.

Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya.

4. PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) komited memastikan pembangunan bandar yang seimbang, inklusif dan mampan selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta dasar perbandaran negara. Sehubungan itu, Pelan Induk Landskap MBSP dirangka sebagai dokumen strategik jangka panjang bagi memandu perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap bandar secara bersepadu.

Pelan ini menetapkan hala tuju pembangunan landskap bagi tempoh sepuluh tahun, selari dengan keutamaan korporat MBSP, Agenda Bandar Rendah Karbon, Dasar Perbandaran Negara serta Matlamat Pembangunan Mampan. Penekanan diberikan kepada pengukuhan ruang hijau bandar, pemuliharaan biodiversiti, peningkatan kualiti alam sekitar, kesejahteraan komuniti serta adaptasi terhadap perubahan iklim.

Melalui pelaksanaan berfasa dan pendekatan kolaboratif, Pelan Induk Landskap MBSP akan menjadi rujukan utama dalam kawal selia pembangunan dan pelaksanaan projek landskap strategik. MBSP berhasrat menjadikan Seberang Perai sebuah bandaraya yang berdaya huni, lestari dan kompetitif, selari dengan visi Bandar Raya Pintar yang berteraskan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar.

5. PEMAKLUMAN TENTANG HALANGAN DALAM PELAKSANAAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN AM (KPA) DAN PERKHIDMATAN PEMUNGUTAN SAMPAH (PPS) DI KAWASAN SEBERANG PERAI

Seiring dengan peningkatan aduan berkaitan Kerja-kerja Pembersihan Am (KPA) dan Perkhidmatan Pemungutan Sampah (PPS) di Seberang Perai, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin menegaskan beberapa isu utama yang melibatkan pengurusan kebersihan, halangan terhadap kerja-kerja di lapangan serta tahap pematuhan dasar MBSP yang telah menjejaskan kelancaran perkhidmatan MBSP. Beberapa isu telah dikenal pasti dan tindakan penguatkuasaan serta pemantauan sedang diperkukuhkan bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan kepada masyarakat di seluruh Seberang Perai. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut:-

i. Halangan PPS di kawasan kutipan sampah oleh kenderaan awam dan objek yang menghalang laluan (di kawasan perumahan strata termasuk strata perniagaan)

Banyak kenderaan dan objek yang menghalang laluan diletakkan di laluan kawasan kutipan sampah terutamanya di kebuk / rumah sampah sehingga menyukarkan kerja-kerja PPS dijalankan oleh wira oren MBSP.

ii. Halangan KPA di Parit dan Longkang Bagi Kawasan Taman Perumahan Bertanah

MBSP mendapati terdapat pemilik kediaman di kawasan taman perumahan bertanah yang meletakkan pasu bunga, kanopi, khemah berniaga, meja, rak serta pelbagai halangan lain di atas longkang dan di tepi parit sehingga menyukarkan kerja-kerja KPA dijalankan oleh pihak MBSP.

iii. Halangan Laluan Awam di Pasar Awam / Kompleks Makanan milik MBSP

Ramai peniaga yang meletakkan barang niaga, tong, meja, serta objek lain di laluan pejalan kaki dan koridor pasar. Halangan ini bukan sahaja menjejaskan pergerakan serta menimbulkan risiko keselamatan kepada pengunjung pasar awam dan kompleks makanan, malah ianya menyukarkan kerja-kerja pembersihan dijalankan oleh wira oren MBSP. Hasil pemeriksaan harian juga terdapat kenderaan yang diletakkan di laluan kawasan kutipan sampah terutamanya di kebuk / rumah sampah sehingga menyukarkan kerja-kerja PPS dijalankan oleh wira oren MBSP.

iv. Isu Ketidakpatuhan Spesifikasi Tong Sampah dan Kebersihan Sekeliling Tong

Beberapa premis termasuk kawasan perumahan, premis perniagaan, sekolah serta bangunan komersial tidak mematuhi

spesifikasi dan dasar MBSP berkaitan penyediaan tong sampah yang telah ditetapkan oleh MBSP. Selain itu, tahap kebersihan di kawasan sekeliling tong sampah atau rumah sampah juga adalah berada dalam keadaan yang tidak terurus.

Secara kesimpulannya, sekiranya masih terdapat halangan di kawasan seperti yang dinyatakan di atas, pihak MBSP tidak akan melaksanakan kutipan PPS dan kerja-kerja KPA di kawasan berkenaan sehingga halangan tersebut dialihkan sepenuhnya. Tindakan penguatkuasaan yang tegas akan diambil terhadap pihak yang gagal mematuhi arahan notis halangan ini.

6. PENUTUPAN TAMAN REKREASI AMPANG JAJAR, KERIAN

Untuk makluman orang awam, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) telah mengemukakan permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan di atas Lot 2, Mukim 9, Seberang Perai Selatan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan pada 23 November 2023 bagi tujuan pembinaan muka sauk bagi Cadangan Loji Rawatan Air Sungai Kerian Fasa 1.

Susulan kelulusan Pemberimilikan Tanah Kerajaan tersebut kepada PBAPP, Jabatan Landskap Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menerima notis pengosongan tanah daripada pihak PBAPP pada 15 Ogos 2025 yang memaklumkan bahawa kawasan berkenaan perlu dikosongkan dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh surat tersebut, iaitu bermula 12 Ogos 2025.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Landskap MBSP akan melaksanakan tindakan pengosongan tanah di Taman Rekreasi Ampang Jajar, Kerian secara berperingkat bagi memberi laluan kepada pelaksanaan projek berkenaan. Projek ini adalah projek strategik yang bertujuan menjamin kelangsungan dan keselamatan bekalan air bersih untuk penduduk Seberang Perai dan kawasan sekitarnya pada masa hadapan.

Sebagai makluman, hebahan pengumuman penutupan Taman Rekreasi Ampang Jajar, Kerian akan dikongsikan kepada orang awam melalui media rasmi Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai akan terus komited untuk memastikan kebajikan masyarakat sentiasa diberi perhatian dan akan meneliti cadangan penambahbaikan serta penyediaan kemudahan rekreasi alternatif pada masa akan datang.

7. KEPALA BATAS FESTIVAL

Majlis Bandaraya Seberang Perai akan menganjurkan *Kepala Batas Festival* pada 31 Januari & 1 Februari 2026 (Sabtu & Ahad) di Pasar Awam Kepala Batas, Seberang Perai Utara bermula dari jam 5.00 petang hingga 11.00 malam.

Kepala Batas Festival adalah program komuniti berbentuk kesenian, kebudayaan dan warisan dengan mengetengahkan konsep *street art performance* yang julung kali diadakan di pekan Kepala Batas, Seberang Perai Utara. Penganjuran *Kepala Batas Festival* ini merupakan salah satu usaha MBSP untuk memangkin ekonomi masyarakat tempatan selaras dengan usaha merancakkan pembangunan semula pekan Kepala Batas.

Festival yang berlangsung selama dua (2) hari ini akan menyatupadukan penggiat-penggiat seni di peringkat tempatan mahupun antarabangsa bagi memperkukuhkan hubungan di antara pelbagai pihak dalam usaha mempromosikan Kepala Batas kepada masyarakat luar.

MBSP mengharapkan semua *stakeholders* dan seluruh komuniti Seberang Perai untuk hadir bersama-sama bagi memeriahkan *Kepala Batas Festival*.

8. SELAMAT MENYAMBUT HARI KRISMAS

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada seluruh warga Seberang Perai yang meraikannya. Semoga sambutan pada tahun ini membawa kedamaian, kegembiraan dan memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan kita semua.

Hari Krismas bukan sahaja waktu untuk berkumpul bersama keluarga dan orang tersayang, malah merupakan kesempatan untuk kita mempererat hubungan masyarakat tanpa mengira agama, budaya dan latar belakang. Nilai toleransi, kasih sayang dan saling menghormati yang diraikan pada hari yang bermakna ini wajar terus dipupuk demi keharmonian bandaraya kita.

Hari Krismas pada tahun ini disambut pada 25 Disember 2025 (Khamis) yang merupakan cuti kelepasan am bagi Negeri Pulau Pinang.

9. SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2026

Di kesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2026 kepada seluruh penduduk Seberang Perai khususnya dan seluruh penduduk di Pulau Pinang dan kawasan sekitarnya.

Tahun 2025 telah meninggalkan pelbagai pengalaman bermakna, cabaran yang menguji ketahanan serta pencapaian yang menjadi asas kepada kemajuan bersama. Segala usaha, komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan oleh semua pihak amatlah dihargai.

Menjelang Tahun 2026, marilah kita melangkah ke hadapan dengan tekad baharu, memperkukuh perpaduan serta memperkasa agenda pembangunan bandar yang mampan, inklusif dan berdaya huni. MBSP akan terus komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan, memperindah persekitaran bandar serta memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

Semoga tahun baru ini membawa sinar harapan, kemakmuran dan kejayaan yang berterusan kepada kita semua.

Tahun Baru 2026 disambut pada 1 Januari 2026 (Khamis) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum. Justeru itu, di musim perayaan dan cuti kelepasan ini diingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai supaya berhati-hati di jalanraya, jaga kesihatan dan amalkan pemakanan yang sihat.

Sekian, terima kasih.